

Terseerah kepada Majlis Tertinggi

SIN 15 MAR 1986

Oleh RAHIM HAJI ZAIN

IPOH, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyerahkan keputusan penarikan balik perletakan jawatan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden Umno kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk membuat ketetapan.

"Saya tidak berhak membuat sebarang ulasan kerana rombongan memujuk Datuk Musa dihantar oleh MT, maka biarlah majlis yang mengambil tindakan," kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, enggan mengulas sehingga rombongan berkenaan kembali dan menemuinya untuk menyampaikan keputusan sebenar Datuk Musa.

Rombongan yang diketuai oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Wan Mokhtar Ahmad, tiba di Kuala Lumpur petang ini.

"Saya akan berbincang dengan rombongan itu se kembalinya mereka ke tanahair. Setakat ini saya tidak diberitahu secara rasmi mengenai penarikan perletakan jawatan Datuk Musa, kecuali melalui laporan-laporan akhbar hari ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan dengan pemimpin Umno dan parti anggota Barisan

Nasional di kediaman Menteri Besar, Perdana Menteri berkata, perbincangan itu akan dibuat secepat mungkin.

"Jika rombongan itu pulang hari ini, maka ia akan dibincangkan di sini dan jika tidak ia akan dibincangkan di tempat lain," tambahnya.

"Tetapi segala-galanya akan ditetapkan sendiri oleh MT kerana majlislah yang lebih layak dan bertanggungjawab ke arah perpaduan parti," katanya.

**Lagi berita dan gambar
di muka 2 dan 22**

Difahamkan, beberapa bilik sudah ditempah di sebuah hotel di sini bagi menempatkan rombongan empat Menteri Besar membincangkan keputusan Datuk Musa.

Mengikut laporan dari London hari ini, Datuk Musa bersetuju menarik balik perletakan jawatan sebagai Timbalan Presiden Umno setelah mengadakan perbincangan dengan empat Menteri Besar yang mewakili MT.

Mengenai keadaan di Sabah, Perdana Menteri mengulangi keyakinan bahawa polis yang boleh menjamin ketenteraman di sana.

Katanya, kita tidak perlu risau kerana kekuatan anggota polis di sana mampu menyekat segala kejadian yang tidak diingini merebak.

Oleh itu, kata beliau, tidak perlu bergegas ke sana kerana beliau dijadualkan melawat Sabah bulan depan.

Perdana Menteri juga meminta parti-parti komponen BN supaya bersiap sedia menghadapi pilihanraya umum yang dijangka tidak lama lagi.

Katanya, kunjungannya ke setiap tempat adalah untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh Umno negeri dan parti-parti komponen supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil bagi menghadapi pilihanraya umum nanti.